


DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani



Strategic
Partners :



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Philippines



Hanseo University
Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjilid
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com

Nur Haninatasha Awang Mohd Zamri Azizan

Nano-Killer

Covid19 ialah virus berbahaya yang bukan sahaja merebak di Malaysia malahan virus ini berterusan merebak ke seluruh dunia sehingga menyebabkan jutaan manusia telah 'hilang' akibat virus ini. Virus ini berupaya untuk menjangkiti manusia yang bermula dengan simptom-simptom jangkitan saluran pernafasan yang ringan seperti selsema biasa sehingga penyakit yang boleh membunuh seperti SARS. Penularan virus covid-19 ini bagaikan tiada henti kerana setiap hari terdapat jutaan rakyat telah dijangkiti dan angka kematian dengan jumlah yang luar biasa telah direkodkan. Hal ini amat membimbangkan seluruh masyarakat di serata dunia. Akan tetapi, penularan wabak berbahaya ini juga berpunca daripada sikap manusia yang cuai dan tidak menitik beratkan aspek kesihatan dalam kehidupan seharian. Jika tidak dicegah dengan lebih awal ianya bakal membawa kepada angka jangkitan dan jumlah kematian dengan lebih parah lagi. Namun begitu, para ilmuwan telah mengkaji dan menemui langkah yang selamat dalam mencegah penularan virus yang berbahaya ini iaitu dengan penciptaan vaksin. Selain itu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga menggesa masyarakat agar sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan diri supaya negara kita bebas daripada wabak ini demi mengembalikan keharmonian yang telah hilang selama ini. 'Nano Killer' dipilih sebagai tajuk arca kerana virus covid-19 ini sangat mikro dan tidak dapat dikesan dengan mata kasar. Objektif penghasilan arca ini agar dapat memberi kesedaran dan membuka mata masyarakat supaya sentiasa berhati-hati walau apa aktiviti dan agenda sekalipun yang ingin dijalankan.

Dalam penghasilan arca ini, setiap olahan dilakar terlebih dahulu dari satu proses ke proses yang seterusnya dengan terperinci bagi mencapai objektif dan intensi terhadap bentuk tiga dimensi yang diinginkan. Pelbagai media campuran telah digunakan dengan satu visi agar arca ini kelihatan lebih menarik dan mempunyai daya tarikan tersendiri. Virus covid-19 sering sahaja dipaparkan melalui info grafik di semua media komunikasi dan elektronik dalam bentuk sfera dan struktur yang sangat subjektif. Oleh itu penekanan


terhadap struktur sfera hasil dari garapan semula virus ini haruslah dikekalkan bagi memudahkan penghayatan penonton terhadap virus ini walaupun telah distailisasikan. Untuk membentuk sfera pelbagai kaedah boleh diaplikasikan. Pengkarya cuba bereksplorasi dengan menggunakan belon di mana aplikasi gam terlebih dahulu disapu pada bahagian luar belon tersebut. Seterusnya pelekat seperti gam pva digunakan sebagai pengukuhan dalam proses membentuk form melalui orientasi lilitan benang yang dililit kemas agar tidak terunglai dan menjadi lebih kuat. Setiap penggunaan media yang diaplikasi perlu dikaji dengan diteliti agar ianya dapat menjamin kekemasan dalam pembuatan arca tersebut.

Benang berwarna ungu digunakan terlebih dahulu bagi menutupi keseluruhan bentuk belon disamping kepelbagaian warna yang lain disulami dan dililit secara bertindihan dan rapi agar memberikan kesan yang menarik serta kemas. Benang berwarna merah gelap dan cerah digunakan bagi menimbulkan tona warna yang kontra. Aplikasi media sokongan yang lain turut berperanan dan digunakan untuk membentuk hexagon melalui potongan-potongan kayu dalam ukuran yang kecil dan seterusnya potongan kayu tersebut dililit dengan bebenang berwarna untuk membentuk imitasi stem. Warna yang dipilih adalah lebih gelap supaya kelihatan lebih menonjol berbanding warna pada struktur sfera arca agar dapat memberi kesan kontra yang ekstrim. Imitasi stem virus tadi juga sengaja diolah dengan berbonjol-bonjol agar dapat memberi kesan yang lebih dramatik serta menghadirkan persepsi yang ngeri sesuai dengan sifat virus itu sendiri yang kejam dalam menyebarkan nyawa manusia tanpa mengira apa jua keadaan sekalipun. Penghasilan arca ini amat memerlukan pengorbanan masa kerana aspek kekemasan dan ketelitian perlu dititikberatkan demi meneliti dan mencapai mesej pengkarya kepada masyarakat agar terus berjuang mengekang virus ini dari terus menyebarkan bangsa kita dari pupus di dunia ini.



NUR HANINATASHA AWANG
Nano-Killer


8 in x 8 in x 8 in
Mixed Media
haninatasha2000@gmail.com



DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1



Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

Galeri
seni merbok

